

jejakgraduan

Bashir jadi 'gogo' miliki cabaran tersendiri

BERTA HARIAN (VARSITI) 23 FEB 2017 M/S 12

profil

Bashir Shahrum

→ Tarikh Lahir: 20 September 1990
 → Tempat Lahir: Klang
 → Pendidikan: Sekolah Rendah Islam Al Farabi, Klang; Sekolah Agama Menengah Bestari, USJ5, Subang Jaya dan Diploma Kejuruteraan Awam UMP
 → Hobi: Mendaki gunung, 'rock climbing', 'wall climbing', menjelajah di dalam dan luar negara dan perkhemahan

Oleh Faizatul Farhana
Farush Khan
 ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Minat yang mendalam dalam aktiviti pendakian gunung membuatkan Bashir Shahrum, 27, melupakan kerjaya 'makan gaji' biarpun memiliki kelulusan daripada universiti awam, sebaliknya beliau memilih menjadi penganjur pengembalaan kepada pencinta aktiviti mencabar itu.

Graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu, berkata bagaimanapun beliau tetap mengaplikasikan ilmu diperoleh ketika pengajian bagi menggalakkan tugas sebagai penganjur pengembalaan seperti kemahiran komunikasi bersama peserta program yang diadakan.


Beliau berkata, penganjur pengembalaan atau lebih dikenali dengan sebutan 'gogo' dalam kalangan

penggiat aktiviti itu, berperanan menguruskan segala keperluan sesuatu pendakian, bermula daripada pengumpulan peserta sehingga mereka selamat menamatkan misi.

"Sebagai gogo, saya perlu menguruskan dengan baik setiap misi pendakian, seperti membuat pengiraan bajet peserta, menentukan kos makanan, menyusun tentatif aktiviti sepanjang tempoh pendakian, merancang pengangkutan serta menentukan lokasi permulaan."

"Bisnes ini saya jalankan bersama beberapa rakan rapat yang turut memiliki pengalaman tersendiri serta minat mendalam terhadap aktiviti pendakian. Kami mengehadkan jumlah peserta setiap kali perjalanan bagi memastikan kelancaran pendakian dan keselamatan mereka."

"Lebih menyenangkan peserta, kami akan memberi peluang kepada mereka memberikan pendapat sebelum peng-



Bashir gemar aktiviti mencabar.

info

Trivia

→ **Mengendalikan** tugas sebagai penganjur pengembalaan bersama tiga rakan, Muhammad Hanafi Abu Nazir, Muhamad Syafiq Abd Rauf dan Hafizi Hanif Mohd Sharif
 → **Bashir** sudah mendaki puluhan gunung di dalam dan luar negara, termasuk di Indonesia, iaitu Gunung Rinjani, Gunung Kerinci, Gunung Papandayan dan Gunung Raung.

→ **Kumpulan** itu mengehadkan jumlah peserta seramai 15 orang bagi setiap pendakian demi kelancaran dan keselamatan

turan tentatif ditetapkan, selain menyelitkan acara kerohanian atau usrah. Paket harga kami kenakan juga cukup berpatutan kerana apa yang penting, keseronokan yang dilalui setiap peserta pendakian," katanya.

Tingkat pengetahuan Ditanya cabaran ditempuhi sebagai penganjur pengembalaan, Bashir berkata, tugas itu menuntut kekuatan mental dan fizikal untuk mengendalikan kerohanian atau masalah peserta, selain memerlukannya sentiasa meningkatkan pengetahuan serta pengalaman diri berhubung informasi sesuatu lokasi sasaran.

Katanya, sebelum menganjurkan aktiviti ke sesuatu lokasi baharu, beliau akan meningkatkan pengetahuan sedia ada mengenai tempat terabit melalui pembacaan dan bertanya pada rakan-rakan yang lebih berpengalaman.

Bashir berkata, sebelum

perjalanan diatur, beliau akan 'menyelidik' latar belakang setiap peserta bagi mengetahui tahap kebiasaan mereka menyertai aktiviti pendakian dan aspek kesihatan, bertujuan memastikan perjalanan berjalan lancar serta memberi kepuasan kepada semua.

Diminta berkongsi tarikan aktiviti pendakian, katanya, selain memberikan cabaran tersendiri, menguji ketahanan mental dan kekuatan fizikal, aktiviti itu memberi peluang kepada individu untuk menjajakan kaki ke suatu destinasi serta melihat keindahan alam ciptaan Allah SWT.

"Aktiviti ini bukan sahaja cukup baik untuk kesihatan tubuh badan dan meluaskan pengalaman saya, tetapi memenuhi minat mendalam saya terhadap aktiviti lasak," katanya yang menjadi penganjur pengembalaan untuk perjalanan di dalam dan luar negara.



Bashir (berdiri, dua dari kiri) bersama peserta pendakian.



Bashir (kanan) ketika menerima skrol diploma pada Majlis Konvokesyen UMP.